



PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2012

Kepada :

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Dato'/Tuan/Puan

PENJELASAN MENGENAI PERENGGAN 4.1.1 DAN PERENGGAN 8.2 – BAYARAN SEWA HOTEL DALAM PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2006

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memberi penjelasan Perenggan 4.1.1 dan Perenggan 8.2 – Bayaran Sewa hotel, dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 3 Tahun 2006 bagi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 3 Tahun 2006 adalah dipinda dengan meminda Perenggan 11 dan memasukkan satu perenggan serta peruntukan tambahan dalam Perenggan 11 menjadikannya kepada klausa baru sebagaimana berikut:

11.1 - Asal(Kekal) -

Sekiranya kemudahan makan, penginapan dan pengangkutan bagi mengikuti kursus pendek/panjang di dalam negeri atau di luar Negara disediakan oleh Kerajaan atau penganjur, maka pegawai tidak layak lagi menuntut elaun, kemudahan dan bayaran berkaitan;

11.2 - (Tambahan) -


Seseorang pegawai yang terpaksa menyewa bilik hotel yang melebihi kelayakannya hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

3. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 3 Tahun 2012 ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

ISLAM DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIPAYUNG
TAHUN MELAWAT KELANTAN 2012

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

Ruj. Fail : P.K.N.A.1/9-1/Jld.8 (24)
Bertarikh : 02 Rabiulawal 1433Hijrah bersamaan
26 Januari 2012

s.k.

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan